

<input checked="" type="checkbox"/> KOSMO
Tarikh: 2/3/2011
Hari: RABU M/S: 54
Ruangan: SUKAN

KMEK, UUM jalin persahabatan

PERLAWANAN futsal, bola jaring dan badminton antara Kelab Media Elit Kedah (KMEK) dan kakitangan Universiti Utara Malaysia (UUM) di Pusat Sukan UUM, Sintok Sabtu lalu berlangsung meriah.

Dalam acara bola jaring, KMEK meraih kemenangan selepas mencipta kemenangan 7-6.

Bagi acara futsal pula, UUM sekali lagi terpaksa akur dengan kehebatan KMEK apabila tewas 5-6.

Bagaimanapun, kedua-dua pasukan menunjukkan kekuatan seimbang dalam acara badminton.

Koordinator Media UUM, Azahar Kassim berkata, aksi tersebut dianggap sebagai medan pemanas badan sebelum perlawanan persahabatan sebenar dijadualkan berlangsung bulan ini di lokasi sama.

"Tarikh perlawanan persahabatan sebenar akan ditentukan dalam masa terdekat dan ia perlu mengikut kesesuaian masa pi-



PARA pemain bola jaring KMEK (barisan depan) bergambar bersama kakitangan UUM sebelum memulakan aksi persahabatan di Pusat Sukan UUM, Sintok baru-baru ini.

hak media dan UUM sendiri," jelas Azahar.

Beliau berkata, perlawanan tersebut juga menjadi tempat buat pasukan KMEK dan UUM mengerat silaturrahim selain melihat kemampuan masing-masing.

"Jadi, setiap pasukan mempunyai masa untuk memasang strategi masing-masing bagi meraih kemenangan pada perlawanan sebenar nanti," katanya.

Azahar menambah, tujuan utama perlawanan itu diadakan

adalah bagi mewujudkan hubungan baik antara UUM dengan pengamal media di Kedah.

"Perlawanan ini memberi peluang kepada pengurusan UUM untuk mengenali lebih rapat rakan-rakan media," ujarnya.